

juga dianalisis. Hasil kajian berangka menunjukkan bahawa kaedah yang dicadangkan mengatasi kaedah RK3BDMS dan RK3.

blok; berpemberat; Runge-Kutta; PPB kaku.

**MPSK 27 - ALGORITMA GENETIK UNTUK MULTI-TEMPOH UNTUK MASALAH
LALUAN INVENTOR! KELUAR BAGI PENGHANTARAN BERPECAH**

NUR ARINA BAZILAH BINTI AZIZ"

"Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru, Malaysia
nurarma @Mim. my

ABSTRAK

Masalah Laluan Inventori (IRP) adalah satu komponen penting dalam dasar Penjual Terurus Inventori (VMI). Kajian ini membahas rangkaian pengedaran keluar dengan penghantaran inventori berpecah yang terdiri daripada kilang pemasangan dan banyak pelanggan yang bertaburan kedudukan geograR mereka. Penghantaran berpecah digunakan untuk mengurangkan jumlah kos pengangkutan untuk memenuhi permintaan pelanggan. Kami mempertimbangkan ufuk terhingga, pelbagai tempoh dan satu produk di mana pengangkutan berkapasiti homogen, ditempatkan di depot, mengangkut produk dari kilang pemasangan kepada pelanggan untuk memenuhi permintaan yang dinyatakan oleh pelanggan di setiap tempoh. Permintaan untuk setiap pelanggan adalah berketentuan dan masa yang berbeza-beza. Model rumusan disediakan dalam kajian ini dan model algoritma genetik berdasarkan peruntukan dahulu, laluan kemudian yang mempertimbangkan kedua-dua inventori dan kos pengangkutan adalah dicadangkan.

ifaia &Mn.cz: masalah laluan inventori; algoritma genetik; penghantaran berpecah.

**MPSK 28 - KAEDAH LELARAN JACOBI BERPRASYARAT UNTUK
MENYELESAIKAN PERSAMAAN KAMIRAN FREDHOLM JENIS KEDUA**

MOHANA SUNDARAM MUTHUVALU"

"Department of Fundamental and Applied Sciences, Faculty of Science and Information Technology
Universiti Teknologi PETRONAS
32610 Bandar Seri Iskandar, Perak
mo/nma. mMf/Miua/M@pefronas. com. my